



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa secara terbuka kepada syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** dalam gred dan kategori pengkhususan berikut bagi menyertai sebut harga ini::

Tajuk Sebut Harga	Kod Pengkhususan	Tarikh Tutup Sebut Harga	Taklimat Sebut Harga
SEBUT HARGA KERJA-KERJA UBAHSUAI RUANG KERJA PEJABAT SERTA KERJA KERJA BERKAITAN DI MEJA FOTO ARAS 2 BERNAMA NO. RUJUKAN : BER/SH/12/2026	Gred : G2 Kategori : B28- Kerja-kerja Ubahsuai	03 Julai 2026 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	15 Jun 2026 (Isnin) Kehadiran digalakkan

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **15 Jun 2026 (Isnin) selepas sesi taklimat** di laman web Myvendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi sebut harga ini.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 15 Jun 2026 (Isnin)
 Masa : 10.30 pagi
 Tempat : Dewan BERNAMA, Tingkat 10, Wisma BERNAMA, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur
 (* Sesi lawatan tapak akan diadakan selepas sesi taklimat)

Syarikat perlu mengisi Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat (**Borang D-3**) dan diemlkan kepada Urus Setia Perolehan selewat-lewatnya sebelum **15 Jun 2026 (Isnin)**.

Syarikat wajib mengemukakan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai gred dan kategori pengkhususan berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara atas talian di laman web Myvendor BERNAMA dan secara manual dalam peti sebut harga beserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 03 Julai 2026 (Jumaat)** di alamat berikut:

Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1685
E-mel : haniiah.ahya@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas. Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.